



## SIARAN AKHBAR

### BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK MENGANJURKAN MESYUARAT ASEAN TAXONOMY BOARD (ATB) DAN WEBINAR

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan kerjasama Sustainable Finance Institute Asia (SFIA), telah menganjurkan mesyuarat ASEAN Taxonomy Board (ATB) pada 29 April 2025 di Rizqun International Hotel, Bandar Seri Begawan.
2. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Yang Mulia Awang Mardini bin Haji Eddie, Timbalan Pengarah Urusan, (Operasi Monetari/Perkembangan dan Antarabangsa), BDCB. Mesyuarat ini dihadiri oleh ahli-ahli ATB daripada BDCB, Insurance Regulator of Cambodia, National Bank of Cambodia, Non-Bank Financial Services Authority of Cambodia, Securities and Exchange Commission of Cambodia, Otoritas Jasa Keuangan, Indonesia, Bank of Lao People's Democratic Republic, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Ministry of Planning and Finance of Myanmar, Bangko Sentral ng Pilipinas, Securities and Exchange Commission of the Philippines, Monetary Authority of Singapore, dan Securities and Exchange Commission of Thailand. Turut hadir juga termasuk wakil-wakil daripada SFIA, sebagai hos kepada ATB, dan Asian Development Bank.
3. Mesyuarat telah membincangkan, antara lainnya, kemajuan terkini bagi pembangunan Taksonomi ASEAN Versi 4 bagi Kewangan Lestari, yang bertujuan untuk meningkatkan liputan Taksonomi ASEAN, berikutan dengan penerbitan Versi 3 yang telahpun dimuktamadkan pada 20 Disember 2024.
4. Seterusnya, BDCB turut menganjurkan satu webinar mengenai kegunaan praktikal dan perkembangan terkini Taksonomi ASEAN, bersempena dengan pemuktamadan Taksonomi ASEAN Versi 3.
5. Dalam ucaptamanya, Yang Mulia Awang Mardini bin Haji Eddie, selaku Penggerusi ATB, menekankan bahawa kebolehoperasian dan penajaran merupakan prinsip-prinsip pembangunan utama dalam seni bina dan reka bentuk Taksonomi ASEAN. Ini membolehkan Negara-Negara Anggota ASEAN (AMS) menyesuaikan taksonomi kebangsaan masing-masing kepada *Foundation Framework* atau *Plus Standard* Taksonomi ASEAN. Beliau juga mengongsikan bahawa Taksonomi ASEAN Versi 3 telah diperkuuhkan dengan penambahan kes penggunaan *Foundation Framework* untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan dokumen soalan-soalan lazim. Selain itu, beliau menekankan kepentingan webinar tersebut sebagai platform untuk meneroka penggunaan praktikal Taksonomi ASEAN, di samping memberikan pandangan mengenai perkembangan terkini dalam landskap kewangan lestari di rantau ASEAN serta bagaimana usaha nasional dan serantau diselaraskan melalui taksonomi tersebut.

6. Webinar diteruskan dengan pembentangan oleh Encik Khairul Ridzwan, ahli Lembaga Alternatif ATB dan Pengurus Am [Hal Ehwal Antarabangsa] di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang memberi pengenalan kepada Taksonomi ASEAN Versi 3. Acara tersebut juga menampilkan perbincangan panel yang dikendalikan oleh Eugene Wong, Ketua Pegawai Eksekutif, SFIA, dengan Fonthip Yuthaseree daripada Asian Development Bank (ADB), dan Thomas Leonard dan Jerus D'Silva daripada DNV, sebagai ahli-ahli panel. Panel tersebut membincangkan kes-kes penggunaan praktikal yang berkaitan dengan pelaksanaan Taksonomi ASEAN.
7. Webinar tersebut juga turut membincangkan perkembangan terkini mengenai inisiatif-inisiatif taksonomi negara, dengan tumpuan kepada Indonesia, Filipina, dan Thailand, serta bagaimana taksonomi negara ini diselaraskan dengan Taksonomi ASEAN. Sesi tersebut dikendalikan oleh Encik Khairul Ridzwan. Ahli-ahli panel termasuk Jarot Suroyo, Timbalan Pengarah, Kewangan Lestari, Otoritas Jasa Keuangan, Indonesia; Thawatchai Pittayophon, Timbalan Ketua Setiausaha, Securities and Exchange Commission of Thailand; dan Atty. Emma Valencia, Penolong Pengarah, Jabatan Pengawalseliaan Pasaran dan Sekuriti, Securities and Exchange Commission of the Philippines.
8. Selain daripada ahli-ahli ATB, wakil-wakil daripada badan-badan sektor ASEAN, organisasi antarabangsa, industri serantau dan tempatan, pengantara, dan orang awam juga telah menghadiri webinar tersebut secara maya.



### **Mengenai Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)**

BDCB komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui langkah-langkah dan pelaksanaan pembaharuan sektor kewangan, selaras dengan objektif pembangunan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik; mengekalkan kestabilan sistem kewangan dengan menggubal peraturan kewangan dan piawaian berhemat; membantu dalam penubuhan dan fungsi sistem pembayaran yang cekap, dan seterusnya, untuk menyeliana; dan memupuk dan membangun sektor perkhidmatan kewangan yang mantap dan progresif.

### **Mengenai ASEAN Taxonomy Board:**

ASEAN Taxonomy Board (ATB) ditubuhkan di bawah naungan Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN [AFMGM] dan digerakkan bersama oleh ASEAN Capital Markets Forum [ACMF], ASEAN Insurance Regulators' Meeting [AIRM], ASEAN Senior Level Committee on Financial Integration [SLC] dan ASEAN Working Committee on Capital Market Development [WCCMD]. ATB akan membangun, mengekalkan dan mempromosikan Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Lestari (Taksonomi ASEAN) yang berbilang tingkat yang mengenalpasti aktiviti-aktiviti ekonomi yang mampan dan membantu mengalihkan pelaburan dan pembiayaan ke arah ASEAN yang mampan. Taksonomi ASEAN akan menjadi panduan menyeluruh untuk semua AMS bagi melengkapkan inisiatif kemampunan kebangsaan masing-masing dan berfungsi sebagai bahasa umum ASEAN untuk kewangan lestari. Ianya direka bentuk untuk memastikan AMS mempunyai rangka kerja yang sesuai dengan struktur ekonomi dan sosial mereka, yang mungkin tidak dapat ditangani oleh rangka kerja yang lain. Peralihan adalah elemen utama dalam agenda kelestarian ASEAN, dan Taksonomi ASEAN akan menggabungkan laluan yang berkesan untuk membolehkan peralihan yang teratur.

### **Brunei Darussalam Central Bank**

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Tarikh : 2 Zulkaedah 1446H / 30 April 2025M